



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية  
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI  
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY



## **Fakulti Syariah Dan Undang-Undang Semester I, Sesi Akademik 2015/2016**

### **Kertas Soalan Peperiksaan**

**Kod Kursus : SJ 4304**  
**Nama Kursus : Undang-Undang Keterangan di  
Mahkamah Syariah**  
**Peringkat Kursus : Sarjana Muda**  
**Masa : 3 jam**

**Rujukan Dibenarkan  
Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001**

#### **Nota:**

Jawab empat (4) soalan saja

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

### SOALAN 1 (15 Markah)

Dalam menetapkan keputusan mahkamah, seorang hakim boleh merujuk kepada Kaedah Fikah dalam Undang-Undang Keterangan Islam.

1. Jelaskan hubungan antara kedua-duanya (3 markah)

Dan jelaskan pelaksanaannya dalam beberapa kaedah fikah berikut:

2. 'Yakin Tidak Boleh dihilangkan oleh Syak'. (3 markah)
3. 'Asal Sesuatu Itu Tidak Wujud'. (3 markah)
4. 'Pada Asalnya Sifat Mendatang Tidak Wujud'. (3 markah)
5. 'Asal Sesuatu Kejadian Dikira pada Masa yang Paling Hampir'. (3 markah)

### SOALAN 2 (15 Markah)

Bab 102 *Perintah Keterangan Mahkamah Syariah 2001* memperuntukkan: "*Mahkamah boleh, jika difikirkannya perlu, memerintahkan mana-mana pihak atau kedua belah pihak atau mana-mana saksi, jurubahasa, penterjemah atau pentaksir untuk mengangkat yamin.*"

1. Jelaskan pengertian *yamin* dalam fekah dan *Perintah Keterangan Mahkamah Syariah 2001*. (3 markah)
2. Bagaimanakah kedudukan sumpah orang yang mendakwa dalam fekah Islam? Apakah ia dilaksanakan dalam Perintah Keterangan Mahkamah Syariah 2001? Huraikan dengan jelas. (6 markah)
3. Para ulama berbeza pendapat dalam menerima kesaksian seorang saksi dan yamin orang yang mendakwa dalam Undang-undang Keterangan Islam. Bincangkan perbezaan pendapat ini secara terperinci. (6 markah)

**SOALAN 3 (15 Markah)**

1. Islam dan baligh merupakan dua syarat bagi seorang *syahid* dalam undang-undang keterangan Islam. Sila bincangkan kedua-dua syarat ini dan implementasinya dalam ***Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001!***  
(9 markah)
2. Bagaimanakah cara ***Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001*** memastikan kebenaran keterangan *Syahadah Syahid*?  
(6 markah)

**SOALAN 4 (15 Markah)**

Salah satu keunikan undang-undang keterangan Islam adalah konsep Ilmu al-Qadi salah satu cara untuk mensabit atau menafikan haka tau kepentingan. Sila bincangkan konsep ini secara terperinci dan implementasi dalam ***Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001.***

**SOALAN 5 (15 Markah)**

Bincangkan permasalahan Undang-Undang Keterangan Islam berikut:

1. Syarat penerimaan kesaksian (*Tahamul al-Shahadah*).  
(3 Markah)
2. 'Keterangan Hujah Yang Melampaui Ikrar Hujah yang Terhad'.  
(3 markah)
3. Pengertian kesaksian.  
(3 markah)
4. 'Hukum Syarak' dalam *Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001.*  
(3 markah)
6. *Al-Yamin al-Mardudah.*  
(3 markah)